



Kandungan

<i>Kandungan</i>	ix - xi
<i>Prakata</i>	xiii - xx
<i>Kata Pengantar Menteri Pengajian Tinggi</i>	xxi - xxiv
<i>Kata Pengantar Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani</i>	xxv - xxviii
<i>Singkatan</i>	xxix -xxx

Bahagian I: Gagasan dan Tradisi Universiti 1

1. Gagasan Universiti	3
2. Universiti dan Tradisi Intelektual	15

Bahagian II: Visi dan Falsafah 31

3. Budaya Ilmu Pengajian Tinggi	33
4. Idealisme Universiti	39
5. Belanjawan Negara untuk Pengajian Tinggi	45
6. Politik Pengajian Tinggi	51
7. Menjana Kemahiran Insaniah	57
8. Minda Kelas Pertama	63
9. Universiti Institusi Elit?	71
10. Transformasi Kementerian Pengajian Tinggi	77

**Bahagian III: Penanda Aras dan Penarafan 85**

11. Penarafan Universiti	87
12. Pemantapan Budaya Ilmu	93
13. Kualiti Akademik IPTS	99
14. Lima Faktor Pemacu Kualiti	107
15. Mengantarabangsakan IPTA	117
16. Strategi Penarafan Universiti	127
17. Dinamisme Pengajian Tinggi	135
18. Pengajian Tinggi Citra Global	141
19. Biasiswa Khas Pelajar Cemerlang	149
20. Era Abdullah Badawi	155

Bahagian IV: Penyelidikan dan Pembangunan . . . 161

21. Membina Budaya Inovatif	163
22. Budaya Mesra Saintis	169
23. Prasarana R&D	175
24. Melayu dalam Bidang S&T	181
25. Hubungan Baru Industri-Akademia	187

Bahagian V: Perspektif 193

26. Dilema Bahasa Pengantar	195
27. Buku Memperkasa Minda	203
28. Membangun Tradisi Akademik	211
29. Mengangkasa Penerbitan Akademik	217
30. Polisi Menarik Saintis Luar	225
31. Pindaan AUKU dalam Transformasi Pengajian Tinggi	231
32. Komitmen Memacu Pengajian Tinggi	237

Lampiran 245

Lampiran 1: Enrolmen Pelajar Antarabangsa di Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) dan Swasta (IPTS) Mengikut Negara Asal, Tahun 2003 - 2007	247
---	-----



KANDUNGAN

xi

Lampiran 2:	Kedudukan Universiti Tempatan dalam Senarai QS World University Rankings 2005	250
Lampiran 3:	Kedudukan Universiti Tempatan dalam Senarai QS World University Rankings 2006	251
Lampiran 4:	Kedudukan Universiti Tempatan dalam Senarai QS World University Rankings 2007	252
Lampiran 5:	Kedudukan Universiti Tempatan dalam Senarai QS World University Rankings 2008	254
Rujukan	255
Indeks	265





Prakata



Buku ini merupakan cetusan pandangan penulis tentang pengajian tinggi. Ada kalanya penulis mengambil pendekatan idealistik, khususnya ketika penulis masih belum terlibat secara langsung dalam pengurusan universiti, tetapi menjadi lebih praktikal dan realistik apabila mempersoalkan isu-isu semasa seperti penarafan, pengantara-bangsaan dan petunjuk prestasi.

Asalnya buku ini merupakan catatan mingguan penulis di dalam komputer selepas membaca atau berwacana tentang pengajian tinggi. Pandangan yang tercatat tersebut penulis ulas lebih mendalam dan mengembangkannya dalam bentuk bab berasingan. Sebahagiannya telah diterbitkan dalam beberapa akhbar tempatan dan sebahagian yang lain dimuatkan dalam prosiding seminar atau sekadar catatan peribadi.



Sejarah pengajian tinggi di Malaysia bermula sejak zaman sebelum merdeka lagi dengan penubuhan pelbagai institusi pendidikan seperti kolej, maktab, sekolah moden dan sekolah pondok. Sebahagian kolej dinaik taraf menjadi universiti, seperti Universiti Malaya pada tahun 1949 (bermula dengan *Straits and Federated Malay States Government Medical School* pada tahun 1905 dan bertukar nama *King Edward VII College of Medicine* di Singapura pada tahun 1912) dan Universiti



Pendidikan Sultan Idris (bermula dengan Maktab Perguruan Sultan Idris Tanjung Malim pada tahun 1922). Ada juga sekolah yang dinaik taraf menjadi kolej kemudian universiti seperti Universiti Teknologi Malaysia (UTM) (Sekolah Teknik pada tahun 1904, Kolej Teknik pada tahun 1942, Institut Teknologi Kebangsaan pada tahun 1972, dan akhirnya UTM pada tahun 1975) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) (Sekolah Pertanian pada tahun 1931, Kolej Pertanian Malaya pada tahun 1947, dan UPM pada tahun 1971).

Perkembangan ini menunjukkan bahawa pengajian tinggi merupakan suatu proses pemantapan pendidikan nasional yang sentiasa mengalami peningkatan dari segi entiti, peranan dan fokus. Hal ini menjadi lebih ketara dengan adanya pelbagai keperluan dan tuntutan, misalnya ajaran Islam yang menekankan peri pentingnya pendidikan dari “buaiian hingga ke liang lahad” dalam konteks orang Melayu. Inilah antara faktor pendorong utama sehingga ada pelajar yang melanjutkan pengajian ke Timur Tengah, terutamanya ke Tanah Suci Mekah dan Madinah, atau Universiti Al-Azhar di Mesir.

Selain itu, ramai juga pelajar yang melanjutkan pengajian tinggi di England, Taiwan, India, dan Indonesia dalam pelbagai bidang. Pelajar yang melanjutkan pelajaran di England sebelum atau selepas merdeka rata-rata mengikuti pengajian dalam bidang perundangan, kejuruteraan, perakaunan, dan pendidikan. Sementara itu, kebanyakan pelajar mengikuti pengajian di Taiwan dan India dalam bidang perubatan, manakala di Indonesia pula dalam bidang kejuruteraan, pertanian, dan perubatan.

Dari segi peranan, institusi pengajian tinggi era pascamerdeka boleh dibahagikan kepada empat peringkat, iaitu:

- (a) Penyediaan institusi dan kemudahan untuk pembangunan intelektual dan menampung keperluan modal insan dalam bidang tertentu,
- (b) Memenuhi objektif dasar pembangunan negara misalnya dari segi penyertaan Bumiputera dalam pelbagai sektor,
- (c) Penyediaan modal insan pada peringkat pengajian siswazah, dan
- (d) Memantapkan kualiti dan visibiliti dari segi pembangunan intelektual.

Keempat-empat peringkat ini dilaksanakan selaras dengan dasar pembangunan negara khusus mengikut perkembangan zaman. Paling



ketara ialah peringkat (b) yang merupakan pelaksanaan terhadap Dasar Ekonomi Baru dan dikawal selia menerusi Akta Universiti dan Kolej Universiti (AUKU) 1974. Peringkat (d) pula ditunjangi oleh Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara 2007 dan Pindaan AUKU 2008.

Kesemua perkembangan ini, bagaimanapun, tidak dibincangkan secara terperinci dalam buku ini kecuali peringkat (c) dan (d) sahaja.

Penulis mempunyai sebab tersendiri memilih frasa “Mengangkasa” Pengajian Tinggi yang menjadi judul buku ini. “Mengangkasa” bermakna meletakkan di kedudukan yang tinggi, nun jauh di angkasa, sebagaimana angkasawan melepasi ruang atmosfera. Istilah itu juga menunjukkan betapa pengajian tinggi perlu diangkat ke martabat yang tinggi supaya kedudukan dan kepentingannya dapat dihargai dan dihayati semua pihak, bukan hanya pelajar dan komuniti akademik, malah seluruh lapisan masyarakat.

Istilah “Mengangkasa” juga digunakan oleh YAB Dato’ Sri Mohd Najib Abdul Razak, selaku Timbalan Presiden UMNO, dalam ucapan dasarnya berjudul “Mengangkasa Tamadun Bangsa” pada Perhimpunan Pemuda, Wanita dan Puteri UMNO pada 6 November 2007. Penulis tidak berhasrat menunjukkan asosiasi kepada wadah atau pemikiran politik tetapi – menurut penulis – istilah tersebut begitu unik dan sesuai untuk digunakan dalam keadaan kita mengharap sesuatu yang ideal dan transformasi besar.

Menurut Najib, “Bangsa Angkasa” ialah bangsa yang sentiasa mempunyai impian tertinggi, dan tamadun hebat. Untuk itu, kita perlu menguasai pelbagai disiplin sains dan teknologi, memiliki pengetahuan dan kemahiran, menguasai pelbagai bahasa, menjana ilmu, mengukuhkan iman, berbudaya cemerlang dan bercita-cita setinggi angkasa. Bagi Najib “Mengangkasa” adalah suatu pencapaian setinggi mungkin sebagai wawasan, impian dan cita-cita yang juga bermakna menggemilangkan atau memartabatkan sesuatu daripada yang sudah ada kini ke tahap yang lebih tinggi.

Pada hemat penulis, Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di Malaysia berkembang pesat sejak lebih sedekad lalu, iaitu selepas reformasi pengajian tinggi semasa Dato’ Sri Mohd Najib Abdul Razak menjadi Menteri Pendidikan dengan pelbagai pembaharuan dari segi dasar dan inisiatif. Perkembangan ini dirangka selari dengan keperluan pembangunan intelektual, insaniah dan sumber manusia, bukan sahaja untuk keperluan tempatan malah didorong oleh dasar untuk



menyediakan perkhidmatan pengajian tinggi yang berkualiti bagi memenuhi permintaan di rantau ini.

Tidak keterlaluan jika diungkapkan secara relatif berbanding dengan dekad-dekad sebelumnya, perkembangan pesat yang berlaku dalam tempoh sepuluh tahun kebelakangan ini nampaknya mengatasi keseluruhan yang berlaku dalam tempoh 40 tahun yang terdahulu, khususnya dari segi pertambahan bilangan IPT, peningkatan jumlah pelajar serta kursus baru, dan penubuhan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS). Trend ini bermula ketika berlakunya krisis kewangan pada tahun 1997 apabila puluhan ribu pelajar Malaysia di luar negara terpaksa ditempatkan semula di IPT tempatan. Kerajaan menambah bilangan pelajar di IPTA, dan memberi lebih ruang kepada IPTS untuk menyediakan kursus-kursus di peringkat ijazah.

Dari satu segi kepesatan perkembangan sektor pengajian tinggi mendatangkan pelbagai cabaran dan peluang baru seperti pemantapan kualiti dan model kewangan yang baru yang tidak hanya terikat kepada dana yang disediakan oleh pihak kerajaan. Cabaran-cabaran ini menjadikan sektor pengajian tinggi di Malaysia semakin kompetitif dan dinamik, relevan dan berdaya maju.

Dalam era internet dan globalisasi ini, pengajian tinggi menjadi perhatian umum dari segi kualiti, terutamanya dalam kalangan ibu bapa, calon pelajar dan graduan. Ini relevan kerana sejak sekian lama universiti sinonim dengan perkembangan ilmu, tamadun dan tradisi ilmu. Persoalannya kini, apakah dengan adanya puluhan IPTA baru dan ratusan IPTS meningkatkan lagi penghayatan budaya ilmu dalam kalangan rakyat Malaysia? Apakah kepentingan ilmu dan peranan ilmuwan semakin menyerlah dalam skema pembangunan negara? Apakah nilai-nilai ilmu yang tercerna dalam bentuk amalan mulia dan berbudi menjadi semakin sehati dalam kehidupan bermasyarakat dengan meningkatnya pengaruh golongan berpendidikan tinggi?

Inilah persoalan penting yang penulis kemukakan dalam buku ini. Pada hemat penulis kemajuan ilmu dan kualiti pengajian tinggi bersifat kultural, dan tidak sepatutnya diukur dengan perbandingan angka semata-mata.

Menerusi buku ini, penulis mengemukakan sudut pandang bahawa kemajuan ilmu yang sebenar tidak sahaja bergantung kepada aspek pencapaian bersifat persijilan, kuantitatif dan pemaparan aspek fizikal semata-mata. Bahkan yang lebih penting lagi ialah kemajuan ilmu yang



tersurat menerusi aspek kualitatif dalam keperibadian ahli ilmu yang tercerna menerusi kualiti jiwa, kemantapan minda, kesegaran aspirasi, kelancaran berwacana sama ada secara lisan atau tulisan, keberhasilan aktiviti keilmuan, cara hidup lestari dan kemahiran yang terus diperteguhkan dalam diri setiap ahli dalam sesuatu komuniti ilmu, termasuklah para akademik, pelajar malah graduannya.¹ Aspek sikap dan nilai terhadap ilmu, sumber ilmu, bahan-bahan ilmu, aktivisme ilmiah, martabat ilmuwan dan proses perkembangan ilmu juga penting yang perlu menjadi isu pokok yang diwacanakan secara berterusan dan meluas.

Dengan kata lain, persoalan penting tidak hanya terbatas kepada paparan statistik penyandang PhD, bilangan pelajar pengajian ijazah lanjutan dan senarai pencapaian serta aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) semata-mata. Jauh lebih penting dari itu ialah persoalan tentang sejauh mana tahap penghayatan budaya ilmu, kemampuan untuk mewujudkan persekitaran mesra ilmu dan kesediaan organisasi untuk menjadi ramah intelektual. Apakah aktiviti keilmuan seperti membaca dan menulis menjadi amalan kepada setiap ahli sesebuah komuniti ilmu – kampus universiti misalnya – sama ada yang khusus kepada sesuatu disiplin ilmu atau yang merentas disiplin ilmu umum seperti ketamadunan dan peradaban, serta sejarah tradisi ilmu dalam sesebuah negara bangsa? Dan apakah pemikiran dan idealisme murni yang berakar tawhidik terus disuburkan untuk menjadi landasan hidup yang memartabatkan kebenaran, kesejahteraan dan ketulusan?

Dalam hal ini banyak persoalan falsafah ilmu dan dasar perlu ditangani. Dimensi kualiti pengajian tinggi perlu dilihat secara komprehensif, holistik dan struktural. Dan nilai ilmu perlu ditempatkan di kedudukan jauh lebih tinggi berbanding status sosial, hedonisme, pangkat dan fahaman yang bersendikan materialisme. Ini bermakna penghayatan ilmu dalam erti kata sebenarnya perlu bebas dan tidak

¹ Penulis merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Prof. Dr. Wan Mohd. Nor Wan Daud yang sejak akhir tahun 1980-an tidak jemu-jemu memberi ruang waktu dan menjalin persahabatan untuk membolehkan penulis memahami konsep, idealisme, iltizam, tradisi dan budaya ilmu, khususnya dari perspektif Islam. Karya beliau menjadi tatapan dan bacaan penulis setiap kali memerlukan motivasi dan meningkatkan “keghairahan” untuk terus melayari samudera ilmu, khususnya dua judul terawal beliau, iaitu *Penjelasan Budaya Ilmu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka (1991) dan *The Concept of Knowledge in Islam*. London: Mansel (1989).



terlalu dibayangi atau dikongkong oleh fahaman utilitarianisme semata-mata. Permintaan pasaran kerja memang penting tetapi *tidak seharusnya menjadi agenda utama* sehingga “mebutakan” kita terhadap matlamat utama pendidikan, sebagaimana yang terpahat dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan, iaitu:

“Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan ke arah memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmonis dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepada kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Usaha ini adalah bagi melahirkan rakyat Malaysia yang berilmu, bertanggungjawab dan berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara.”²

Graduan yang ideal, pada hemat penulis, ialah mereka yang memiliki kemahiran berfikir, keupayaan berhujah, kesantiaian berkomunikasi mengikut pelbagai dimensi dan perspektif, pencinta ilmu dan pemburu kebenaran, berwatakan mulia dan mahir dalam pencarian ilmu. Dengan kemahiran ini, mereka mampu mengharungi pelbagai situasi dan memasuki pasaran kerja dengan lebih selesa berbanding dengan graduan “pasang siap” yang lebih menumpu kepada beberapa kemahiran teknikal dan amalan profesional tertentu yang kadangkala lemah pula dari segi kemahiran berfikir, berkomunikasi dan mesra ilmu.

Menerusi buku ini, penulis mencadangkan agar semua pihak, khususnya pihak kerajaan memberi tumpuan kepada pembudayaan ilmu termasuklah dalam kalangan komuniti akademik. Penulis juga kritis terhadap definisi intelektual. Apakah semua ahli akademik merupakan intelektual atau sekadar inteligensia dan pemilik ijazah pengajian tinggi sahaja? Pembudayaan ilmu ini perlu kerana sesebuah universiti disegani bukan hanya kerana program akademik yang ditawarkan atau kelulusan akademik dan kelayakan profesional para pensyarahnya yang berjela. Sebaliknya, lebih kepada pembudayaan dan persekitaran akademik yang merangsang minda, menguji cendekia, menguji kreativiti dan mesra ilmu.



² Lihat http://www.moe.gov.my/tayang.php?laman=falsafah_pendidikan&unit=kementerian&bhs=my



Dalam kesempatan ini penulis ingin merakamkan penghargaan kepada Dato' Sri Mohd Najib Abdul Razak yang telah melantik penulis sebagai Pegawai Khas (1997-98) di Kementerian Pendidikan untuk membantu beliau dalam hal dan isu berkaitan pengajian tinggi.

Pengalaman itu sekalipun hanya dua tahun sahaja, memberi kesempatan untuk penulis memahami sedikit sebanyak pengajian tinggi dari perspektif dasar negara, tuntutan politik, resam pentadbiran dan pasaran kerja. Dua tahun yang "lama" (dengan pelbagai tugas dan kepadatan jadual kerja) itu sebenarnya sarat dengan pengalaman yang ternyata memantapkan idealisme, memperkayakan jurus fikir dan memperlengkapkan gagasan penulis terhadap pengajian tinggi.

Terima kasih juga kepada Dato' Mustapa Mohamed, mantan Menteri Pengajian Tinggi (2006-2008), dan Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pengajian Tinggi yang telah memberi peluang kepada penulis untuk sedikit sebanyak sama-sama turut mewarnakan iklim akademik negara, setidak-tidaknya di peringkat UTM.

Kepada rakan dan taulan dalam akademia, pertubuhan bukan kerajaan dan pihak media, penulis ucapkan terima kasih terutama kepada Mustapha Omar, Zainudin Ayip dan Kadir Dikoh (Berita Harian), Melati Arif (Bernama), Elizabeth John (NST) dan kepada seluruh warga UTM yang walaupun tidak membantu secara langsung, tetapi turut mendoakan penulis dalam pelayaran ilmu ini untuk mencari erti sebenar kehidupan dan cuba menyemai bakti kepada agama, bangsa dan negara. Penulis juga mengucapkan terima kasih kerana dorongan, sokongan, nasihat, tunjuk ajar dan bimbingan sepanjang kerjaya penulis kepada Tan Sri Abdul Halim Ali, Tan Sri Dr. Johari Mat, Tan Sri Datuk Prof. Dr. Anwar Ali, Tan Sri Ainuddin Wahid, Tan Sri Dr. Ahmad Zaharudin Idrus, Tan Sri Datuk Prof. Ir. Dr. Mohd. Zulkifli Tan Sri Mohd. Ghazali, Tan Sri Dato' Ir. Zaini Omar, Tan Sri Abu Zahar Ujang, Tan Sri Omar Ibrahim, Profesor Dato' Wira Ir. Dr. Mohammad Noor Hj Salleh, Dato' Syed Muhamad Shahabudin, Prof. Dato' Dr. Hasan Said, Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed, Dr. Azman Awang, Prof. Dr. Sidek Baba, Prof. Mark van Loosdrecht, Prof. Mogens Henze, Prof. Gustaf Ollson, Prof. Dr. Zulkipli Yusop, Prof. Dr. Mohd. Azraai Kassim, Prof. Madya Dr. Maketab Mohamed, Dr. Uthman el-Muhammady, Cikgu Rosiapah Dollah, Cikgu Baharudin Borhan, Ustaz Abd. Razak Saad, dan Ustaz Ahmad Sidin.



Kepada keluarga terutama isteri tercinta, Zainah Moktar dan anak-anak tersayang: Siti Fatimah, Aishah, Muhammad Arif dan Maryam, penulis kalungkan penghargaan setinggi-tingginya, kerana merelakan penulis memberi tumpuan kepada tugas untuk memahami, menghayati dan memartabatkan ilmu, walaupun tidak ke tahap menara yang melangit tinggi, sekurang-kurangnya kepada kami sekeluarga. Tarikh penulis menyiapkan semakan buku ini ialah pada 15 November, iaitu ulang tahun keenam Maryam, anak bongsu penulis yang sudah petah membaca, walaupun masih belum boleh memahami tajuk apatah lagi matan buku ini.

Pada kesempatan ini penulis juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Tuan Haji Kassim Thukiman, Khalid Mazlan dan Mohd Zubil Bahak yang telah turut bersama menyumbang tenaga dan kepakaran membantu dalam menyusun, menyunting dan membaca pruf dari peringkat awal hinggalah buku ini diterbitkan. Begitu juga, terima kasih penulis kepada individu yang telah memberikan teguran, komen, dan pandangan bagi meningkatkan mutu penerbitan buku ini. Tanpa sokongan dan iltizam semua pihak tidak mungkin buku ini dapat diterbitkan dengan jayanya.



Biarpun amat sederhana dan tidak tinggi nilai ilmiahnya, penulis berharap buku ini dapat juga dijadikan bahan untuk wacana sekurang-kurangnya bagi memeriahkan lagi suasana akademik dalam kalangan cendekiawan dan pelajar, khususnya di universiti tempatan. Latar isu dan persekitaran ketika setiap bab buku ini ditulis menjawab persoalan semasa secara topikal dari sudut pandangan penulis yang cuba meletakkan gagasan ilmu, tradisi akademik dan budaya fikir sebagai isu pokok. Ada kalanya berlaku perulangan fakta dan hujah. Dan hal ini juga ketara dari segi kesamaan idea dan penegasan, terutama ketika membicarakan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara dan gagasan universiti.

Namun demikian, penulis amat berharap dan berdoa agar buku yang sederhana ini menjadi salah satu sumbangan dan komitmen dalam usaha penulis menyegarkan iklim ilmiah dalam kalangan komuniti akademik. Dan lebih penting, sebagai amal yang terangkum dalam usaha penulis menabur amal bakti buat bekalan di Hari Kemudian.



Jika terdapat sebarang kelemahan dan salah silap buku ini, penulis mengharapkan teguran pembaca sekalian. Kepada Allah SWT penulis mohon keampunan-Nya:

“... Ya Tuhan kami, janganlah Engkau hukum kami jika kami lupa atau kami bersalah. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau bebaskan kami beban yang besar sebagaimana Engkau bebaskan kepada orang-orang yang sebelum kami. Ya Tuhan kami, janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang tidak sanggup kami memikulnya. Maafkanlah kami...”

(Surah *al-Baqarah*, 2: 286).

ZAINI UJANG

Universiti Teknologi Malaysia

15 November 2008